

## 1,000 Warga UMS Jayakan Plogging

Terakhir dikemaskini: Isnin, 06 Ogos 2018 15:46 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 535

Kongsi 83

Syorkan 83

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 06 OGOS** - Kira-kira 1,000 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan program Gotong Royong Perdana 2018 yang berlangsung di sekitar UMS baru-baru ini.

Bertemakan “*Plogging: Pengalaman Kampus Hijau*”, ia merupakan inisiatif bersama Pusat Pengurusan EcoCampus dan Pejabat Canselori UMS.

Acara yang bermula kira-kira pukul 2.30 petang itu, dibahagikan kepada tiga zon pembersihan yang telah ditetapkan mengikut Jabatan, Fakulti, Institut dan Bahagian

(JFPIB) UMS.

Ia antara lain dianjurkan bagi meningkatkan keprihatinan dan komitmen keseluruhan warga UMS dan para pemegang taruh terhadap kelestarian, kebersihan dan kesejahteraan kampus.

Selain itu, ia bagi memupuk gaya hidup sihat, cergas dan ceria dalam kalangan warga UMS dan para pemegang taruh sekali gus mewujudkan dan terus mengekalkan persekitaran kampus UMS yang lestari, bersih, selesa, selamat, sihat dan ceria untuk semua.

Dalam masa yang sama, ia juga bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahim sesama warga UMS dan para pemegang taruh dari pelbagai latar belakang dan peringkat perjawatan.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail mewakili Naib Canselor UMS.

Pada program itu, Zon 3 yang terdiri daripada kawasan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, SUKSIS, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Pusat Rawatan Warga, Pusat Sukan, PALAPES, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pusat Pengajian Pascasiswazah, Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Kolej Kediaman Excellent diumumkan sebagai penerima pengiktirafan Sebutan Khas Naib Canselor UMS.

Zon itu dipilih selepas mendapat penilaian tertinggi berdasarkan jumlah kutipan sampah sarah, kedinamikan gotong-royong, etika gotong-royong dan indeks kegembiraan gotong-royong.

Hadir sama pada program tersebut Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus, Kueh Boon Hee dan Ketua Pejabat Canselori UMS, Stella @ Nurul Martini Gontol.

Untuk rekod, *plogging* merupakan satu trend terbaharu seantero dunia yang menyaksikan para pencinta alam menggabungkan larian dengan tindakan mengutip sampah sepanjang laluan.

Perkataan *plogging* adalah gabungan perkataan “jogging” (lari-lari anak) dan “plocka upp” yang bermaksud mengutip dalam bahasa Sweden.